



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

PENTAS AKHIR

**PERTANDINGAN PIDATO RUKUN NEGARA PERINGKAT
KEBANGSAAN PIALA PUSINGAN TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA 2024**

12 SEPTEMBER 2024 (KHAMIS)

8.00 PAGI

MITC AYER KEROH, MELAKA

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun di atas kesudian untuk hadir ke **Pertandingan Akhir Pidato Rukun Negara Sebagai Prinsip Perpaduan dan Kestabilan Rakyat Peringkat Kebangsaan Piala Pusingan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka.**
2. Sesungguhnya kehadiran Tuan Yang Terutama Tun pada hari ini amat bererti kepada kita semua dalam membina dan **mempamerkan nilai perpaduan dan kesatuan antara rakyat yang berbilang kaum, bahasa dan agama** di negara kita yang tercinta ini.
3. Tuan Yang Terutama Tun, izinkan saya untuk meneruskan ucapan kepada dif-dif jemputan serta para hadirin pada majlis yang berbahagia ini.

SALUTASI

**Salutati terkini disediakan secara berasingan*

4. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir pada hari ini bagi menyaksikan **Pentas Akhir Pertandingan Pidato Rukun Negara Peringkat Kebangsaan 2024**.
5. Sesungguhnya, acara ini adalah bukti bahawa semangat cintakan negara masih subur dalam sanubari rakyat Malaysia, khususnya golongan muda yang bakal mewarisi kepimpinan negara pada masa hadapan.
6. Pertandingan ini bukan sekadar sebuah platform untuk menonjolkan bakat pidato, tetapi lebih penting, **ia merupakan wadah bagi kita semua untuk menghayati, mendalami, dan menzahirkan prinsip-prinsip Rukun Negara** yang menjadi tiang seri kepada perpaduan dan keharmonian negara kita.
7. Dalam era globalisasi yang penuh dengan cabaran, kita perlu memastikan bahawa lima prinsip Rukun Negara — **Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang, dan Kesopanan dan Kesusilaan** —

terus menjadi pegangan kita dalam membina negara bangsa yang kukuh dan bersatu padu.

rukun Negara asas penyatuan bangsa

Hadirin- hadirat yang dihormati sekalian,

8. **Rukun Negara merupakan asas penyatuan bangsa Malaysia** dan visi bagi merealisasikan kontrak sosial yang dipersetujui oleh kaum-kaum utama di Malaysia semasa penggubalan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu dan juga Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ianya dibentuk dengan tujuan utama, iaitu **membentuk perpaduan kukuh dalam kalangan rakyat dan menjadi identiti rakyat Malaysia.**
9. Antara matlamat Rukun Negara ialah **mewujudkan masyarakat Malaysia ke arah mencapai perpaduan lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat.** Bagi mencapai matlamat ini, digariskan lima (5) prinsip Rukun Negara yang perlu difahami dan dihayati setiap lapisan masyarakat. Lima (5) prinsip Rukun Negara bukan sahaja perlu dihayati, malahan perkara yang lebih penting adalah memahami dan menghayati cita-cita dalam preamble (mukadimah) Rukun Negara tersebut.

10. Prinsip dalam Rukun Negara jelas kunci kepada **keharmonian dan perpaduan kaum demi kestabilan Malaysia**, bertujuan menyemai nilai murni dalam kalangan masyarakat, nilai keagamaan, kesetiaan kepada Raja dan negara, kepatuhan kepada Perlembagaan dan undangundang serta masyarakat yang sopan dan bertatasusila.
11. Sebagaimana yang telah ditekankan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, perpaduan kaum merupakan asas yang perlu diperkukuh demi kestabilan dan kemakmuran negara.
12. Dalam konteks Malaysia Madani, kita diajak untuk membina sebuah masyarakat yang berteraskan nilai-nilai kemanusiaan, yang **memelihara maruah dan kebebasan insan, serta yang sentiasa menghormati kepelbagaian budaya, agama, dan etnik.**
13. Tema Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 iaitu "**Malaysia Madani, Jiwa Merdeka,**" selari dengan konsep Malaysia Madani **yang menekankan jiwa yang merdeka daripada perpecahan, jiwa yang merdeka daripada sebarang perasaan prasangka.**

14. Pertandingan pidato Rukun Negara ini menjadi medan bukan sahaja menggilap bakat para peserta tetapi ia menjadi **pentas penting untuk kita sama-sama menyaksikan semangat perpaduan** dizahirkan dengan penyertaan oleh para peserta yang terdiri dari pelbagai bangsa dari seluruh negara termasuk dari Negeri Sabah dan Sarawak.
15. Kita yakin dan percaya bahawa prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara ini merupakan tonggak kepada perpaduan masyarakat pelbagai kaum di negara kita.
16. Saya berharap setiap daripada kita dapat menghayati mesej yang akan disampaikan oleh para peserta, dan sama-sama kita menguatkan azam untuk terus memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.

PENUTUP

17. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya sampai ke peringkat akhir ini.
18. Anda semua adalah **wira-wira kecil yang memainkan peranan besar dalam memupuk perpaduan** dan

mengukuhkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat.

19. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan pertandingan ini, yang merupakan anjuran bersama di antara Pejabat Tuan Yang Terutama Negeri Melaka, Kerajaan Negeri Melaka dan juga Kementerian Perpaduan Negara.
20. Semoga ikatan persaudaraan dan perpaduan antara kita sesama keluarga dalam negara yang tercinta ini menjadi lebih erat dan kuat.

Sekian terima kasih.